



Taktik penipuan guna nama MyBayar PDRM

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) menasihatkan orang ramai supaya berwaspada dengan taktik penipuan yang menyalahgunakan nama PDRM dan MyBayar PDRM, kononnya berkaitan tunggakan tol atau kesalahan trafik.

Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik PDRM memaklumkan modus operandi sindiket itu membabitkan penghantaran mesej yang mengandungi pautan rawak dan paparan laman web yang menyerupai portal rasmi PDRM.

“Mangsa akan diarahkan untuk menekan butang *Pay Now* sebelum diminta mengisi maklumat peribadi atau perbankan.

“PDRM dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) tidak pernah menghantar

notis bayaran melalui pautan rawak atau aplikasi WhatsApp,” katanya menerusi satu hantaran di Facebook, semalam.

Sehubungan itu, PDRM menegaskan agar orang ramai untuk tidak mengklik sebarang pautan mencurigakan atau mendedahkan maklumat perbankan kepada pihak tidak dikenali.

Katanya, sebarang maklumat berkaitan saman atau bayaran hendaklah disahkan melalui laman web rasmi atau kaunter agensi kerajaan berkaitan.

“PDRM turut menggesa orang ramai supaya melaporkan sebarang cubaan penipuan kepada pihak polis atau Pusat Respons Scam Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (CCID) bagi membolehkan tindakan lanjut dapat dilakukan,” katanya.